



## **PANDUAN PENGGUNAAN TASIK DAN WETLAND PUTRAJAYA**

Panduan ini disediakan berpandukan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil Pengawalan Aktiviti Di Tasik (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2004, Undang-undang Kecil Taman (Perbadanan Putrajaya) 1999 dan Akta Perbadanan Putrajaya 1995, Peraturan-Peraturan Wilayah Persekutuan Putrajaya (Perlesenan dan Pendaftaran Aktiviti di Tasik) 2004 .

Pengguna dan pengunjung Tasik Putrajaya adalah diminta bersama-sama menjaga tata susila kelakuan serta kesopanan diri seperti berpakaian yang tidak menjolok mata dan memikul tanggungjawab untuk mengekalkan keindahan dan mengekang tindakan yang boleh menimbulkan kesan atau dan impak negatif kepada tasik yang bersih dan membanggakan ini.

Sehubungan itu, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian, iaitu:

### **AKTIVITI-AKTIVITI DIBENARKAN**

1. Menggunakan perkhidmatan *cruise* dan *perahu* oleh Cruise Tasik Putrajaya yang disediakan di Jeti Putra;
2. Melaksanakan kajian saintifik di Tasik dan Wetland Putrajaya oleh pelajar-pelajar peringkat Sarjana dan Kedoktoran dalam bidang yang sesuai dan dengan kebenaran Perbadanan Putrajaya;
3. Menggunakan peralatan di Kelab Tasik Putrajaya untuk aktiviti berkayak, mendayung, berkanu dan perahu layar melalui Kelab Tasik Putrajaya;
4. Memancing di Pusat Rekreasi Air, Taman Wetland setiap hari dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang dengan kadar bayaran yang ditetapkan;
5. Menyertai pertandingan memancing yang diadakan 2 kali dalam setahun iaitu semasa sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan atau pertandingan yang dianjurkan oleh pihak Perbadanan Putrajaya berdasarkan keraian atau majlis sambutan tertentu;

## **KEGIATAN YANG TIDAK DIBENARKAN DAN MENYALAH UNDANG-UNDANG**

1. Tidak melakukan kegiatan berenang, mandi, meludah, Mengampai, menggantung sebarang objek di tasik adalah tidak dibenarkan;
2. Tidak melakukan pembuangan bahan cemar seperti membuang air kecil atau besar, membasuh atau lain-lain yang seumpamanya di sekitar kawasan tasik bagi mengelakkan impak visual yang kurang menyenangkan;
3. Memancing atau menggunakan apa juga pekakasan untuk tujuan menangkap ikan atau hidupan air;
4. Kegiatan memetik bunga, daun, mencabut pokok, mengalihkan kedudukan batu-bata, merosakkan harta benda awam atau sebagainya di sekitar kawasan adalah tidak dibenarkan;
5. Memberi makanan, mengganggu, mengancam keselamatan, menangkap atau membunuh binatang adalah perbuatan yang dilarang;
6. Membuang sampah selain daripada tempat yang disediakan. Anda juga adalah dilarang untuk melontar sebarang objek ke dalam tasik;
7. Bagi memastikan keselamatan terjamin, anda ditegah daripada memasuki atau berada di kawasan larangan termasuk memasuki kawasan tasik;
8. Penggunaan sebarang peralatan/kenderaan air tanpa kebenaran adalah perbuatan yang tidak dibenarkan; dan
9. Melakukan sebarang kegiatan negatif seperti berbuat bising yang menimbulkan kacau-ganggu kepada penduduk tempatan dan orang-ramai.